

26/11/1999

Barisan alternatif hanya tagih simpati pengundi

Mior Kamarul Shahid

UMUMNYA, persaingan dalam pilihan raya 1999 tidak boleh dianggap sengit, jika pertarungan pilihan raya 1995 dan 1990 dijadikan perbandingan. Jika pun sesuai, ia hanya boleh dianggap lebih 'bingit', berbanding kedua-dua pilihan raya umum yang lalu. Jika rentetan peristiwa sebelum dan menjelang pilihan raya 1999 ini dijadikan plot sebuah novel, terlalu banyak episod antiklimaks yang berlaku.

Barisan alternatif yang membariskan Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) benar-benar mengharapakan pilihan raya diadakan ketika klimaks, sewaktu semangat rakyat membara. Tetapi, secara dirancang, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membubarkan Parlimen ketika keadaan sudah kendur. Dr Mahathir tidak terikut-ikut dengan congak parti pembangkang. Tempik sorak pembangkang yang bermula sejak Datuk Seri Anwar Ibrahim disingkirkan daripada Umno dan kerajaan 28 September 1998, adalah satu jangka masa yang terlalu panjang diukur dari segi kemampuan mereka untuk mempertahankan isu Anwar, yang dijadikan watak utama dalam pilihan raya kali ini. Ia juga memberi masa yang panjang bagi kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk mengendurkan keadaan dan mematah hujah pembangkang, walaupun satu demi satu isu membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu cuba diketengahkan.

Barangkali ada baiknya juga bagi pembangkang apabila pilihan raya ini diadakan sekarang. Jika ia diadakan tahun depan, mereka mungkin terus kekontangan isu. Sekurang-kurangnya buat masa ini, ada juga saki-baki isu yang boleh diketengahkan. Jika pun ada perkara yang merugikan, mereka tidak boleh lagi menggunakan majlis tazkirah di masjid dan surau untuk mencaci kerajaan sepanjang Ramadan nanti.

Tinjauan di beberapa ceramah politik yang diadakan sepanjang tempoh kempen rasmi lapan hari ini, didapati hujah-hujah penceramah yang mewakili parti-parti politik, agak hambar. Di ceramah barisan alternatif, ia diselubungi dengan tema emosi untuk menagih simpati. Jika sebelum ini mereka melaungkan reformasi yang sinonim dengan tindakan agresif, pada pusingan akhir ini mereka cuba mencuit perasaan simpati supaya pengundi belas kasihan terhadap perjuangan mereka. Reformasi dan simpati adalah dua keadaan yang jauh berbeza.

Sejak Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan, parti-parti pembangkang ternyata kehilangan arah. Perjuangan mereka tidak seirama. Ketika Keadilan menagih simpati dengan mengharapakan Anwar diberi pembelaan sewajarnya, seterusnya dilantik sebagai Perdana Menteri, Pas pula bercakap mengenai Perdana Menteri bukan Melayu. DAP pula terus mencanangkan konsep Malaysian Malaysia untuk menafikan hak orang Melayu di tengah-tengah pengundi masyarakat Cina, manakala Parti Rakyat Malaysia (PRM) cuba menerap nilai dan budaya sosialis yang ditenggelami oleh suara Islam Pas.

Ketika BN terus menggunakan satu lambang - dacing - di setiap ceruk di negara ini, barisan alternatif pula menggunakan pendekatan dasar pecah dan perintah ala British ketika mentadbir negara ini dulu. Di khalayak masyarakat Melayu, Pas bercakap mengenai negara Islam, hukum hudud dan menuduh BN anti-Islam, sebaliknya di khalayak bukan Melayu, Pas menafikan cita-cita menubuhkan negara Islam dengan menjadikan manifesto barisan alternatif sebagai bukti, hingga mengutarakan nama Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang sebagai calon Perdana Menteri. Di khalayak Cina pula, DAP bercakap mengenai Malaysian Malaysia untuk menarik undi kaum Cina dan mengelak daripada menyentuh soal agama ketika menemui pengundi Melayu.

Poster, lambang dan sepanduk parti-parti barisan alternatif yang terdapat di merata tempat juga menampakkan dengan jelas ciri-ciri pecah dan perintah. Di kawasan Melayu, simbol Pas lebih menonjol manakala di kawasan Cina simbol roket dan kepala lembu saja kelihatan. Barisan alternatif tidak seragam dari segi pemikiran dan pendekatan. Sebagaimana masyarakat Malaysia memahami dasar pecah dan perintah British terhadap kaum Melayu, Cina dan India mengikut lokasi dan sektor pekerjaan, begitulah juga mereka memahami taktik barisan alternatif.

Majlis ceramah Barisan Nasional (BN) juga agak hambar kerana tidak mempunyai banyak penjelasan yang perlu disampaikan kepada pengundi. Pencapaian dan prestasi ekonomi negara serta rekod cemerlang pentadbiran negara adalah antara intipati hujah pemimpin BN selain memberi jaminan untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan di negara ini. Slogan Malaysia Bebas Sepadu Maju yang menjadi tema manifesto BN juga tidak dapat menarik minat walaupun ia memberi pengertian yang besar kepada masyarakat dan negara.

Segala hujah sudah pun dijawab. Keadaan mungkin berbeza jika parti pembangkang terus menyerang dalam tempoh tiga hari ini. Barangkali BN menunggu Ketua Pemuda Keadilan, Mohamad Ezam Mohd Nor membongkar kandungan enam kotak rahsia yang diheboh-hebohkannya sebelum ini, tetapi sehingga ini tidak ada sehelai dokumen pun ditarik keluar dari kotak misteri itu, jika pun ia benar-benar wujud.

Bagi barisan alternatif, mereka percaya kes Anwar adalah isu besar yang mampu menagih simpati rakyat. Sememangnya, isu Anwar dipergunakan sepenuhnya oleh pembangkang hingga menenggelamkan isu-isu lain. Pas, DAP dan PRM menjadikannya sebagai senjata, walaupun pada hakikatnya apa yang akan berlaku kepada Anwar, sebenarnya tidak penting bagi mereka. Keadilan yang ditubuhkan untuk membebaskan Anwar, dijadikan alat oleh ketiga-tiga parti itu. Ini adalah fakta politik yang tidak boleh dipertikaikan. Di belakang beberapa gerakan reformasi yang diadakan sebelum ini, lambang-lambang parti berkenaan agak menonjol. Anak-anak muda yang berjiwa 'membujur lalu melintang patah' dan golongan mereka yang keliru, memberontak di jalan-jalan raya, kononnya mengambil iktibar demonstrasi di Indonesia yang mendorong Presiden Suharto digulingkan.

Semakin hampir tarikh pembuangan undi 29 November ini, semakin jelaslah perhitungan rakyat mengenai siapa yang layak dipilih atau parti mana yang seharusnya menubuhkan kerajaan. Ia adalah satu perhitungan yang besar untuk menentukan masa depan negara.

Pengundi sudah pun banyak mendengar atau membaca pelbagai hujah melalui saluran yang mereka pilih sama ada rasmi, tidak rasmi atau berita angin sejak lebih setahun lalu. Bagi yang mampu, mereka 'meluncur' melalui Internet untuk mendapat pelbagai bahan politik, kemudian mencetaknya dan mengedarkan kepada rakan-rakan. Dari satu salinan asal menjadi ribuan naskhah, setelah bertukar tangan. Ia menjadi risalah politik dan diedarkan hingga ke serata ceruk kampung. Jika sebelum ini belum ada bentuk propaganda yang boleh menyaingi propaganda sewaktu Perang Dunia Pertama dan Kedua atau propaganda Jepun dan komunis yang menggugurkan risalah dari udara, penyebaran propaganda bentuk baru ini, memberi satu kayu pengukur yang baru.

Mereka yang hadir di kenduri-kendara bukan saja disajikan dengan hidangan lazat, tetapi juga salinan fotostat risalah politik, kononnya mengenai penyelewengan abad ini. Bahan-bahan ini bertali arus, selepas satu cerita disusuli berita baru pula. Limpahan bahan-bahan yang tidak jelas asal-usul sumbernya, akhirnya hilang sengatnya apabila pak cik dan mak cik di kampung tahu menilai erti kebolehpercayaan (reliability) dan kewibawaan maklumat yang mereka baca atau dengar. Mereka mula faham kecanggihan teknologi hari ini memungkinkan surat atau dokumen tiruan

dicetak, lambang kementerian dan tandatangan disalin semula tanpa menggunakan sentuhan pena.

Sejak Anwar ditahan, terlalu banyak hujah politik yang dikumandangkan melalui saluran tidak rasmi. Secara kebetulan, peristiwa itu berlaku ketika tempoh pilihan raya sudah mula diheboh-hebohkan. Walaupun tempoh kerajaan yang memerintah lima tahun sebelum pilihan raya baru dibenarkan, tradisi pilihan raya diadakan kurang dari tempoh itu menguatkan ura-ura pilihan raya akan diadakan seawal-awalnya sebaik Sukan Komanwel 1998 selesai. Jangkaan mereka meleset.

Bagaikan orang mengantuk disorong bantal, maka Pas, DAP dan PRM, disokong tambah pula beberapa badan bukan kerajaan (NGO), mengintai peluang untuk memanasakan keadaan. Dalam keadaan yang terdesak, Anwar cuba mendapatkan sokongan moral daripada DAP dengan menggunakan landasan parti itu untuk mendapat pembelaan politik. Pas dan DAP yang sebelum ini menjadi musuh politiknya, sudah menjadi rakan. Anwar yang sebelumnya mencemuh pemimpin Pas dengan menyifatkan mereka sebagai laih dan hanya mahir dalam soal maki-memaki Umno, menghulurkan tangan persahabatan.

Dalam tempoh yang agak panjang, rakyat disajikan dengan bermacam-macam hujah dan peristiwa mengenai Anwar. Ramai yang keliru dan tidak dapat meneka apa sebenarnya berlaku. Sejak mata Anwar lebam hinggalah dia 'diserang' keracunan arsenik, semuanya berlaku di luar congakan pemikiran rakyat. Ia hanya ada pada mereka yang mempunyai congakan politik. Dengan menanamkan pemikiran rakyat mengenai wujudnya konspirator yang mahu memusnahkan kerjaya politiknya, tugas meracun pemikiran rakyat menjadi lebih mudah.

Dalam tempoh beberapa hari ini, segala hujah dan maklumat yang ada di minda setiap rakyat, perlu diproses untuk membolehkan mereka membuat keputusan yang tepat. Ada sesetengahnya tidak perlu lagi berbuat demikian kerana mata dan hati sudah tertutup. Jika dari awal lagi mereka sendeng kepada ideologi parti pembangkang, setiap hujah yang ditempekkan oleh pemimpin mereka ditelan bulat-bulat tanpa tapisan. Bagi individu seperti ini, pemikiran rasional hampir tidak wujud dalam minda mereka. Bagi mereka, tidak wujud unsur-unsur fitnah, pembohongan atau kegelinciran hukum agama, tatasusila dan budaya dalam apa juga yang dilaungkan oleh pemimpin mereka.

Apabila pemimpin Pas mengatakan orang Umno kafir, maka itulah yang menyerap ke dalam pemikiran mereka. Apabila pemimpin Keadilan mengatakan pemimpin BN mengamalkan kroni, gambaran yang ada di pemikiran hanyalah pemimpin BN, seolah-olah terminologi itu khas untuk parti pemerintah. Apabila bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, mendedahkan amalan pengagihan wang kepada individu tertentu menerusi tabung khas yang diwujudkan oleh Anwar, perkataan kroni 'haram' digunakan. Jika Ummi Hafilda membongkar kekayaan abangnya, bekas Setiausaha Sulit Anwar, Mohd Azmin Ali mengumpul kekayaan di luar kemampuan, ia tidak ada kaitan dengan soal kroni, sebaliknya Ummi Hafilda pula dijadikan sasaran kritik kononnya tidak mempunyai kewibawaan.

Jika ada di kalangan keluarga pemimpin BN hidup mewah, tuduhan mereka mengamalkan nepotisme dilemparkan, tetapi tidak kepada mana-mana pemimpin pembangkang. Jika BN meletakkan calon yang mempunyai pertalian darah atau keluarga dalam pilihan raya, sepantas kilat mereka didakwa mengamalkan nepotisme. Tetapi apabila parti pembangkang melakukannya ia dianggap perjuangan menegakkan kebenaran. Inilah bentuk keadilan yang diperjuangkan oleh mereka yang menggelarkan diri mereka barisan alternatif. Segala-galanya akan berakhir malam Selasa nanti.

(END)